

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: COLGIS - Pusat Pengajian Kerajaan
Sent: Wednesday, May 17, 2017 3:59 PM
To: UUM - All Staff; UUMstudentgroup
Cc: Prof. Madya Dr. Zaheruddin Bin Othman; Dr. Ahmad Zubir bin Ibrahim; Mohammad Fadzil Bin Din
Subject: SOG ONLINE- PUBLIC POLICY POSTER COMPETITION 2017



Pusat Pengajian Kerajaan

SCHOOL OF GOVERNMENT

Universiti Utara Malaysia

17 MEI 2017 / 20 SYAABAN 1438H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Assalamualaikum dan Salam Sejahtera.

YBhg. Dato' Seri/Datuk/Dato'/Datin/Y.Brs. Prof/Tuan/Puan



SOG ONLINE- Buat julung-julung kalinya Pusat Pengajian Kerajaan telah menganjur **PUBLIC POLICY POSTER COMPETITION** pada 16 Mei 2017 bertempat di laluan RNR UUM COLGIS. Program ini dianjurkan secara bersama di antara Persatuan Pengurusan Awam , Pejabat Pembangunan Pelajar dan Alumni UUM COLGIS dan pelajar kuliah Dasar Awam, Program Pengurusan Awam. Menurut Penasihat Persatuan Pengurusan Awam, Cik Sharifuzah Osman menjelaskan tujuan utama program ini diadakan bertujuan untuk mendedahkan para pelajar berkenaan dengan konsep pembentangan poster, mencungkil kreativiti pelajar, menguji keupayan dalam mengupas isu dasar dalam satu poster dan meningkatkan kerjasama berpasukan & keupayaan komunikasi.

Program tersebut telah dirasmikan oleh Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr Zaheruddin Othman. Dalam ucapannya beliau menjelaskan keperluan aktiviti berpesatuan seperti ini bagi membentuk dan meningkatkan kemahiran insaniah para pelajar melalui kemahiran komunikasi, kerja berpasukan dan kemahiran berfikir. Menjadi harapan beliau agar program seumpama ini dapat diteruskan pada masa akan datang.

Di akhir program ini, turut diumumkan pemenang bagi pertandingan tersebut. Tempat pertama dimenangi oleh poster *bertajuk Implementation of Curfew Hours on Minor*, Manakala tempat kedua dan ketiga Poster bertajuk Rasuah di kalangan penjawat Awam dan Rasuah vs Integriti. Hadiah disampaikan oleh Dekan Pusat Pengajian Kerajaan, Prof Madya Dr Zaheruddin Othman. Pertandingan tersebut diadili oleh Pensyarah pusat Pengajian kerajaan iaitu Dr Malike Brahim, Dr Nor Azizah Zainal Abidin dan Puan Siti Noor Shamilah Misnan. Majlis tersebut juga di hadiri Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Kerajaan, Timbalan Dekan Pusat Pembangunan Pelajar dan Alumni dan Ketua Jabatan Pengurusan Awam .

TAMAT

.....
Daripada:

Pusat Pengajian Kerajaan

UUM College of Law, Government & International Studies

Universiti Utara Malaysia | 06010 UUM Sintok, Kedah | Malaysia

Tel : 04-9287901/7906 | Faks: 04-9287914 | Email : colgis_ppk@uum.edu.my



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising

from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.